

# Tajau simpan makna besar dalam kehidupan

Tempayan tanah liat punya kedudukan tinggi sebagai lambang status anggota masyarakat, pe

## Edisi ketiga

**B**UKAN wang ringgit menjadi pilihan. Juga, bukan emas atau intan permata mahupun suasa yang diminta. Yang ditagih adalah 'tajau' dalam bahasa Murut Tagol bermaksud tempayan. Bahan yang diperbuat daripada tanah liat itu sudah sehati dengan kehidupan harian masyarakat Murut Tagol di Pensiangan.

Meskipun mungkin pada sudut pandangan kebanyakan anggota masyarakat di luar Pensiangan, tempayan sekadar bahan menyimpan air atau beras, bagi masyarakat Murut Tagol, tajau lebih daripada itu. Dengan berdasarkan saiz dan ukuran tinggi serta fungsi dalam majlis atau upacara tertentu, tajau diberi pelbagai istilah. Setiap istilah itu pula merujuk kepada pelbagai makna yang berkait rapat dengan budaya mereka.

Bahan diperbuat daripada tanah liat yang kemudian dibakar selepas dibentuk berdasarkan pelbagai saiz ukur lilit di bahagian mulut dan badannya itu bukan setakat diletakkan pada tahap tinggi dalam budaya masyarakat Murut Tagol, malah pada ketika tertentu ia bahan wajib dalam sesuatu majlis atau upacara. Tajau pada fungsi asasnya bagi keseluruhan masyarakat Murut Tagol adalah bahan utama menyimpan air tapai. Dalam majlis meraikan tetamu dan perkahwinan, serta majlis memperingati anggota keluarga yang meninggal dunia, tajau sememangnya tidak boleh dikesampingkan daripada menjadi teman paling setia. Ketiadaan tajau akan menyebabkan sesuatu majlis itu tidak sempurna.

Bagi setiap majlis itu, masyarakat Murut Tagol tidak boleh tidak harus minum air tapai atau dalam bahasa yang sudah sehati dengan masyarakat Sabah keseluruhannya disebut sebagai 'tapai'.



bagai 'aramaiti' yang merujuk kepada minum air tapai dalam tajau ketika majlis keramaian, tidak kira sama ada pada majlis bersifat gembira atau sebaliknya.

Tajau yang pelbagai saiz dan warna, dinilai dari aspek seni buatan serta usianya. Lagi berusia bahan itu, semakin ia bernilai. Dengan purata harga serendah-rendahnya RM35 sebiji hingga yang paling tinggi antara RM2,000 hingga RM3,500 sebiji, tajau kekal sebagai bahan yang menjadi ukuran taraf sosioekonomi seseorang ahli masyarakat Murut Tagol.

Sekadar menyebut beberapa istilah, tajau tenom bernilai antara RM35 hingga RM50, tajau binukul bernilai RM1,000 dan yang paling tinggi nilainya tajau tiluan bernilai antara RM2,000 hingga RM3,500.

Bagi menghasilkan air tapai berkualiti tinggi, masyarakat Murut Tagol lazimnya menggunakan nasi. Bagi yang berkualiti agak rendah tetapi masih mampu membuatkan anggota masyarakat menikmati mulai matahari terbenam hingga matahari muncul semula, ubi kayu menjadi pilihan utama.

Ubi dan nasi tidak sesuai disimpan dalam bekas lain kecuali tajau. Selain mengekalkan keaslian rasa dan menolak unsur luaran yang boleh merosakkan kualiti ubi kayu atau nasi yang disimpan, tajau berfungsi sebagai simbol kesepaduan anggota masyarakat Murut Tagol yang mendukung konsep hati kuman sama dicicah, hati gajah sama dilapah.

Ubi kayu yang direbus dimasukkan ke dalam tajau sebelum dicampurkan dengan 'inutok' atau ragi sebelum dilapik daun 'tarap'. Campuran kedua-dua bahan itu dibiarkan dalam perut tajau selama 20 hingga 30 hari.

Proses menghasilkan air tapai daripada nasi agak rumit. Nasi dicampur 'inutok' sebelum diperam dalam tajau dalam tempoh sama. Sa-



PASANGAN pengantin, Jelly Sumpoh, 22, dan Rita Handing, 18, menyedut air tapai pada majlis perkahwinan di Kampung Salinatan.

ma ada ubi kayu atau nasi yang diperam dalam tajau, kedua-duanya tetap menghasilkan air tapai yang digemari anggota masyarakat yang menikmatinya sambil 'andui-andui' atau menyanyi dan menari.

Apabila ubi kayu dan nasi dalam tajau sudah sedia untuk dijadikan bahan minuman, tajau harus diisi air. 'Usot' atau buluh kecil yang dimasukkan ke dalam tajau digunakan untuk menyedut air yang sudah bercampur ubi kayu atau nasi yang sudah sebatu dengan inutok. Sambil menyedut air tapai, mereka meratah ikan goreng, lazimnya ikan air tawar.

Hanya pada majlis keramaian, masyarakat Murut Tagol menyedut air tapai dengan memakannya sebagai 'ahi hinum ratapai' atau minum tapai sedangkan pada majlis kematian, istilah berkenaan tidak digunakan. Air tapai boleh dinikmati selepas jenazah dikuburkan.

Menyaksikan anggota masyarakat Murut Tagol di Kampung Salinatan meraikan majlis penutupan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Sabah (MSS) Zon Pensiangan yang disertai murid Sekolah Kebangsaan (SK) Salinatan, SK Saliliran, SK Pensiangan, SK Sibangali dan SK Pangaraan yang bermula jam 8 malam, membuatkan penulis dan jurugambar seakan terpegun melihatkan kemampuan mereka menyedut air tapai menggunakan usot.

Sebelum majlis dimulakan, mereka sudah menyusun kira-kira 30 tajau berisi ubi kayu dan nasi peram. Tajau pelbagai warna dan saiz disediakan bagi meraikan ketua kampung di setiap sekolah berkenaan yang sanggup datang dari jauh untuk meraikan anak buah mereka yang mencapai kejayaan dalam kejohanan itu.

Dua orang yang duduk mengelilingi sebiji tajau menyedut air tapai sambil seorang pemain keyboard asyik memainkan muzik me-

# pan Murut Tagol

lengkap majlis keraian



MASYARAKAT Murut Tagol menari dan menyanyi pada majlis keraian selepas minum aragamaiti di Kampung Salinatan.

B/H 15/3/2011 18/27.

## FAKTA TAJAU

- Tajau tiluan berharga RM2,000 - RM3,000
- Tajau binukul berharga RM1,000 - RM2,000
- Tajau dibeli dari Kalimantan
- Paumbiron - tajau kosong mengiringi bangkalan
- Penting sebagai hantaran perkahwinan
- Fungsinya menyimpan air tapai

bakal menantu menyediakan sebiji tajau tiluan yang bernilai antara RM2,000 hingga RM3,500, sebiji tajau binukul berharga RM1,000 dan tajau pengiring iaitu tajau bersaiz kecil bernilai antara RM100 hingga RM300 sebiji.

Fungsi tajau tidak terhad untuk majlis keramaian semata-mata. Sebaliknya, tajau pada ketika anggota masyarakat Murut Tagol belum menerima kedatangan Kristian dan Islam, turut berfungsi sebagai alat utama menyimpan mayat. Bagaimanapun, berbeza dengan tajau yang digunakan dalam majlis keramaian, tajau menyimpan mayat bersaiz lebih besar dan setinggi kira-kira 1.5 meter yang lebih dikenali sebagai 'bangkalan.'

Bangkalan bernilai antara RM500 hingga RM1,000 pada sekitar hujung 1970-an amat penting sebagai tempat persemadian mayat masyarakat berkenaan. Mayat yang belum keras segera dilipatkan dalam keadaan lutut bertemu dagu sebelum dimasukkan ke dalam bangkalan. Bagi mayat bersaiz besar, anggota



ANGGOTA masyarakat Murut Tagol memikul tajau tiluan dan binukul untuk diserahkan kepada keluarga pengantin perempuan di Kampung Salinatan.

## Pengantin lelaki ditagih tunai 'hutang' hantaran

**K**EMAJUAN era siber tidak meninggalkan masyarakat Murut Tagol jauh di belakang. Kemajuan dibawa kerajaan meskipun masih belum menyeluruh, terutama aspek infrastruktur di mukim Pensiangan dan Pagalungan, tetap membawa mereka untuk sama-sama menikmati kemudahan bekalan tenaga elektrik yang dijana melalui penggunaan jana kuasa. Meskipun hanya mampu menikmatinya mulai jam 6 petang hingga 10 malam, mereka tetap mensyukuri kemudahan itu.

Zaman berubah menyaksikan masyarakat Murut Tagol di sepanjang Sungai Pensiangan, Sungai Tagol, Sungai Selu dan beberapa batang sungai lain secara evolusi kian meninggalkan kelaziman menggunakan tajau dalam majlis atau upacara tertentu berkait rapat dengan adat dan budaya mereka. Kini, tiga jenis tajau dan bangkalan

sebiji tajau tiluan bernilai RM3,000 daripada seorang penduduk sebuah kampung di Nabawan.

"Tajau kecil harganya RM100 hingga RM300 tetapi tajau tiluan RM3,000. Mahu atau tak mahu, kami terpaksa membelinya untuk membolehkan anak saudara saya berkahwin dengan gadis di Kampung Bantul.

"Keluarga si lelaki mahu kami menghantar berian lama. Jadi, kami terpaksa menyediakan tajau. Kalau ikut berian baru, tajau digantikan dengan duit," kata lelaki itu ketika mengangkat tajau berkenaan dari kenderaan pacuan empat roda ke dalam perahu.

Peredaran zaman menyaksikan tajau tiluan dan binukul kian sukar diperolehi berikutan ketiadaan pengilang menghasilkannya di Keningau atau daerah lain di Sabah. Mahu atau tidak mahu, si pengantin lelaki

ngiringi sesiapa saja mahu menyanyi. Dalam setiap tajau, ada sebatang buluh kecil yang ditandakan dengan takuk pertama, kedua dan ketiga. Jika si peminum pertama menyedut air tapai hingga takuk pertama maka si peminum kedua juga harus menyedut air tapai hingga takuk itu dan begitulah seterusnya.

Setiap kali air tapai dalam tajau menyusut hingga menampakkan ubi kayu di dasar tajau, setiap kali itu juga air dituangkan ke dalam tajau. Sedutan demi sedutan membuat kegembiraan si peminum sambil sekekali bangun menyertai rakan yang asyik 'mengalang' atau menari. Jika keyboard tidak mengiringi nyanyian dan tarian, mereka menyanyikan lagu diiringi paluan gong. Antara lagu popular yang dinyanyikan ialah 'sinosol' dan 'kalong kamunatu.'

"Ada yang baru minum satu tajau sudah mabuk. Ada yang minum 10 tajau pun belum mabuk. Kami minum sampai pagi. Kalau majlis keramaian seperti ini, memang sampai pagi. Selalunya, matahari sudah tinggi pun, kami masih terus minum," kata Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) Kampung Salinatan, Tuoh Sungain, 67.

Kata-kata Tuoh memang benar. Keesokan pagi, masih ada kumpulan yang masih menari dan menyedut air tapai. Meskipun jumlahnya tidak seramai sebelah malam, masih kedengaran suara nyanyian dan paluan gong tanpa diiringi muzik keyboard.

Tajau dari aspek lain, turut berfungsi sebagai 'berian' (barangan hantaran perkahwinan). Berdasarkan adat berian lama yang masih dipraktikkan kebanyakan anggota masyarakat itu, tajau adalah barangan wajib disediakan pengantin lelaki selain gong besi. Lazimnya, ibu bapa pengantin lelaki meminta

masyarakat berkenaan terpaksa menggunakan tong drum.

Tajau besar itu diletakkan dalam 'sirap' atau pondok diperbuat daripada kayu belian (antara jenis kayu berkualiti tinggi) yang dibina jauh dari rumah. Sebuah sirap menempatkan antara empat hingga lima bangkalan yang 'dihuni' mayat daripada keluarga terdekat.

Bangkalan tidak boleh diletakkan dalam sirap yang terlalu jauh dari tebing sungai. Ia bagi memudahkan anggota masyarakat mengangkat bangkalan dari dalam perahu. Namun, ada ketikanya anggota masyarakat itu meletakkan bangkalan dalam lubang gua di tebing sungai. Ketika paras air sungai naik, ada juga bangkalan dihanyutkan arus deras.

Bagi menantu si mati yang berkemampuan, bangkalan yang ditempatkan dalam sirap tidak dibiarkan bersendirian. Sebaliknya, mereka membeli 'paumbiron' atau tajau bersaiz kecil yang harganya lebih rendah daripada bangkalan untuk ditempatkan di sisi bangkalan.

Bagaimanapun, bagi keluarga yang tidak sempat menyempurnakan pengebumian mayat anggota keluarga mereka dengan menggunakan bangkalan, mereka terpaksa menyemadikan mayat berkenaan dalam tanah. Kesempitan kewangan yang menyebabkan mereka tidak mampu membeli bangkalan akan ditebus apabila mereka sudah mempunyai wang untuk membeli bangkalan.

Kubur anggota keluarga akan dikorek semula dengan hasrat mengumpulkan semula tulang-temulang, lalu disemadikan dalam bangkalan. Jika sumber kewangan terhad, mereka menyemadikan tulang-temulang itu dalam tajau kecil tetapi masih tetap ditempatkan dalam sirap yang tetap kukuh menahan panas dan hujan berpuh-puluh tahun.

mereka. Kini, tajau besar atau bangkalan yang berfungsi menyimpan mayat, tidak lagi menjadi bahan belian utama setiap kali anggota keluarga meninggal dunia.

"Nenek moyang kami membeli bangkalan dari Kalimantan dan bandar Keningau. Bagaimanapun, sekarang tiada lagi orang buat bangkalan di Keningau. Kalau mahu beli bangkalan, terpaksa pergi ke Kalimantan. Naik perahu dua atau tiga hari baru sampai di Mansalong.

"Sekarang, kalau ada orang mati, kami kebumikan dalam tanah. Tak ada lagi orang simpan mayat dalam bangkalan. Bukan tidak pernah ada orang tua-tua mahu simpan anggota keluarga mereka dalam bangkalan tetapi susah nak dapatkan bangkalan," ujar Ketua Anak Negeri (KAN) Mukim Pensiangan, Ampat Tahol.

Lain ceritanya dengan tajau yang digunakan sebagai berian dalam majlis perkahwinan. Kebanyakan anggota masyarakat di kedua-dua mukim itu masih kuat berpegang amalan meminta bakal menantu mendaipatkan tajau tiluan atau binukul.

Kesempatan menyaksikan satu keluarga sebuah kampung di tebing Sungai Pensiangan membawa sekurang-kurangnya lapan tajau ketika kami tiba di Kampung Salong untuk menaiki kenderaan paçuan empat roda ke Kampung Sapulot, menyebabkan kami cukup yakin bahawa amalan menyedikan tajau sebagai berian sememangnya masih kuat dipegang sebagai adat dan budaya masyarakat Murut Tagol.

Seorang daripada mereka memberitahu mereka terpaksa bersusah-payah membeli

Mahu atau tidak mahu, si pengantin lelaki harus masuk kampung keluar kampung untuk mencari sesiapa yang masih menyimpan tajau untuk ditukarkan dengan wang. Kejayaan memperoleh berian itu membolehkan bakal pengantin lelaki tersenyum lebar.

Jika sebaliknya, dia masih mampu memiliki gadis idamannya tetapi tetap dituntut menyelesaikan 'hutang' tajau tiluan dan binukul selepas berkahwin dan beranak-pinak.

Meskipun tajau hanya diletakkan di penjuruk bilik atau dapur, ia tetap bernilai. Meskipun sekadar digunakan untuk menyimpan air tapai, tajau adalah segala-galanya bagi masyarakat Murut Tagol.

Kebanyakan remaja lelaki dan perempuan yang sempat ditemui dalam siri penjelajahan di beberapa kampung dalam mukim Pensiangan dan Pagalungan mengakui mereka lebih cenderung menggantikan tajau dalam majlis perkahwinan dengan duit. Mereka juga tidak pernah menyaksikan mayat disemadikan dalam bangkalan. Mereka juga sekadar mendengar cerita ibu bapa dan datuk serta nenek masing-masing mengenai mayat yang disimpan dalam bangkalan, apatah lagi mengunjungi sirap untuk menyaksikan dengan mata kepala sendiri bangkalan yang sudah berpuluh-puluh tahun bersemadi sepi di kawasan jauh dari rumah penduduk kampung.

Hanya waktu yang bakal menentukan sama ada tajau terus ditagih pada setiap kali ada anak perempuan mereka dipinang. Namun, yang pasti ialah tajau akan terus kekal berfungsi sebagai penyimpan air tapai.